

MAHB Tetapkan Harga Saham Baharu Pada RM7.90 Setiap Saham Penempatan Bernama
4 Mac, 2014

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) telah menetapkan harga terbitan 124.05 juta saham baharu pada RM7.90 bagi setiap saham penempatan, untuk mengumpul pendapatan kasar sebanyak RM979.995 juta.

Dalam satu makluman kepada Bursa Malaysia Selasa, MAHB berkata harga terbitan itu merupakan diskaun sebanyak kira-kira 4.3 peratus harga purata berwajaran jumlah dagangan lima hari saham MAHB hingga dan termasuk 3 Mac, 2014 iaitu RM8.26 dan diskaun kira-kira 5.7 peratus harga penutupan pasaran iaitu RM8.38 semalam.

CIMB, JP Morgan Securities (Malaysia) Sdn Bhd dan Credit Suisse (Singapore) Limited bertindak sebagai Ejen Penempatan Bersama bagi penempatan tertutup itu.

Sebelum ini, dilaporkan bahawa MAHB akan menerbitkan saham penempatan berpilih untuk membeli 40 peratus kepentingan ekuiti dalam setiap satu daripada dua syarikat Turki, yang secara tergabung, bernilai lebih RM1 bilion.

Sementara itu, dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini, MAHB berkata penempatan itu menerima langganan yang baik dengan permohonan 2.7 kali lebih tinggi daripada 124 juta saham baharu yang ditawarkan.

"Di samping ini, penempatan itu menarik minat banyak pelabur institusi domestik dan asing, serta pelabur institusi baharu.

"Tawaran itu juga menyaksikan campuran sihat dana-dana milikan dan lindung nilai ternama, dengan pelabur institusi asing memohon bagi kira-kira separuh daripada tawaran itu," katanya.

Syarikat itu berkata pendapatan yang dikumpulkan akan digunakan untuk membiayai pembelian 40 peratus kepentingan masing-masing dalam Lapangan Terbang Antarabangsa Istanbul Sabiha Gokcen dan LGM Havalimani Isletmeleri Ticaret Ve Turizm A.S.

"MAHB gembira dengan sambutan hangat pelabur terhadap penempatan ini dan sokongan yang mereka tunjukkan.

"Dengan pendapatan yang dikumpul, MAHB akan dapat menambah kepentingannya dalam Lapangan Terbang Antarabangsa Istanbul Sabiha Gokcen kepada 60 peratus, menjadikannya pemegang saham terbesar tunggal dalam satu daripada lapangan terbang terpentas perkembangannya di dunia.

"MAHB menambah kepentingannya dalam lapangan terbang itu untuk mempelbagaikan perolehannya dan kerana percaya dengan prospek jangka panjang lapangan terbang itu," katanya, sambil menambah bahawa saham-saham baharu itu dijadualkan disenaraikan pada 12 Mac, 2014.

Penganalisis yakin dengan langkah MAHB untuk menambah kepentingannya dalam Lapangan Terbang Antarabangsa Istanbul Sabiha Gokcen, kerana lapangan terbang Turki itu dianggap sebagai aset yang kukuh bagi syarikat itu dan langkah itu akan memberi manfaat kepadanya dalam jangka panjang.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019284>